



KENYATAAN MEDIA MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

MANGSA BANJIR BOLEH MOHON SALINAN SIJIL SECARA PERCUMA

Sukacita dimaklumkan bahawa calon yang kehilangan atau kerosakan Sijil STPM dan/atau Penyata MUET/Sijil MUET akibat banjir baru-baru ini, boleh membuat permohonan kepada Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) untuk mendapatkan Salinan Sijil STPM dan/atau Penyata Keputusan MUET/Salinan Sijil MUET **secara percuma**. Pengecualian bayaran ini adalah untuk calon di negeri-negeri yang terlibat dengan banjir sahaja dan perlu disertakan dengan bukti.

Borang permohonan boleh dicetak melalui portal MPM www.mpm.edu.my

Sebarang pertanyaan boleh hubungi Unit Perhubungan Awam MPM melalui emel ppa@mpm.edu.my atau talian telefon 03-6126 1600.

Khawari bin Idris
Pegawai Perhubungan Awam
Majlis Peperiksaan Malaysia

15 November 2017